

## Juruwang miliki nombor loteri haram didenda RM1,000

**MIRI:** Gara-gara memiliki beberapa nombor loteri haram, seorang juruwang didenda RM1,000 atau dua minggu penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Randu Rangen setelah Cheah Loi Toi, 40, dari Rivervier Park, Jalan Lutong-Kuala Baram, mengaku bersalah atas tuduhan yang dibacakan

terhadapnya mengikut Seksyen 9(1) Akta Rumah Judi Terbuka 1953 dan dihukum di bawah seksyen yang sama.

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau penjara hingga enam bulan atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati ada memiliki sekeping kertas

yang mengandungi beberapa catatan nombor ekor yang merupakan nombor loteri awam haram.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 1.30 petang, 3 Februari lalu di sebuah pasar raya di kawasan Tudan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Muhamad Ali Hussain manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.